

## **Tharman: Prestasi pelajar Melayu/Islam S'pura lebih cemerlang**

***Berita Harian***, 17 January 2012

PELAJAR Melayu/Islam Singapura secara keseluruhannya telah mencapai prestasi pendidikan lebih cemerlang berbanding pelajar Melayu di negara-negara jiran di rantau ini, kata Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Encik Tharman Shanmugaratnam.

Beliau berkata masyarakat Melayu/ Islam telah meningkat maju dalam pendidikan meskipun terdapat jurang dalam hal itu berbanding masyarakat Singapura secara keseluruhan.

'Masih terdapat jurang antara masyarakat Melayu/Islam Singapura dengan masyarakat Singapura yang kebanyakannya berbangsa Cina.

'Namun mereka (pelajar Melayu) telah meningkat maju dan kini mencapai prestasi lebih baik daripada pelajar Melayu negara lain di rantau ini sama ada dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik atau Sains.

'Jadi, ini bukanlah satu keadaan yang muram, tetapi ini bermakna lebih banyak usaha perlu dilakukan (bagi meningkatkan prestasi pelajar Melayu),' ujarnya, yang juga Menteri Tenaga Manusia.

Encik Tharman berkata demikian dalam persidangan dan sesi dialog 'Singapore Perspectives 2012' anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) di Pusat Konvensyen Suntec, semalam.

Beliau menjawab soalan Penasihat Khas IPS, Profesor Tommy Koh, yang bertanya apa yang perlu dilakukan bagi membantu masyarakat Melayu di sini mencapai prestasi lebih baik dalam pendidikan.

Kata Encik Tharman, cara membantu golongan itu adalah sama dengan cara menolong semua golongan etnik Singapura - campur tangan awal membantu keluarga memberi sekitaran baik kepada anak-anak di rumah, terutama ibu bapa yang telah bercerai atau di dalam penjara.

Persidangan bertema 'Singapura Inklusif: Merapatkan Jurang' itu menyentuh jurang pendapatan yang kian meluas di sini, kos kesihatan dan perumahan, mobiliti sosial lebih perlahan - iaitu keupayaan golongan berpendapatan rendah dan pertengahan mencapai tahap sosioekonomi yang lebih baik - dan masalah penduduk menua.

Persidangan itu mengetengahkan 11 penceramah yang terdiri daripada pakar akademik, termasuk Encik Tharman dan Pengarah Divisyen Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Profesor Paul Cheung.

Dalam ucapannya tentang cabaran yang dihadapi pekerja Singapura dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, Profesor Cheung mendedahkan bahawa dalam kalangan warga berusia 30 hingga 39 tahun, peratusan Melayu berpendidikan posmenengah adalah yang terendah iaitu 11 peratus pada 2010.

Ini berbanding 43 peratus bagi golongan Cina dan 56 peratus bagi kaum India.

Dalam persidangan itu, Encik Tharman berkata jurang pendapatan yang kian meluas dihadapi semua negara maju, dan beliau mengetengahkan beberapa strategi bagi menangani masalah itu.

Katanya, Singapura perlu memastikan mobiliti sosial diteruskan, pendapatan median penduduk tidak terus kekal, menerapkan budaya golongan lebih mewah membantu golongan kurang bernasib baik, dasar-dasar pemerintah yang membantu golongan bergaji rendah, dan lebih banyak usaha membantu warga emas.

Merumuskan persidangan itu, Encik Tharman menambah meskipun jurang pendapatan kian meluas, Singapura telah membangunkan sistem lebih progresif dan lebih banyak dilakukan bagi membantu golongan bergaji rendah dan pertengahan.

'Meskipun cukai pendapatan dikurangkan dan GST dinaikkan, sistem kita ini lebih memihak kepada golongan di aras bawah tangga sosial, menerusi inisiatif-inisiatif seperti Workfare, perumahan, kesihatan dan pendidikan yang membantu warga lebih miskin.

'Jadi memandang ke hadapan, kita perlu meneruskan sistem progresif ini, lakukan lebih banyak bagi golongan miskin dan pertengahan dan memastikan mereka terus diberi peluang,' ujar Encik Tharman.